

Kes demam denggi naik 210 peratus

Kuantan rekod jumlah tertinggi iaitu 296 kes berbanding 77 kes tahun lalu

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Pahang merekodkan peningkatan kes demam denggi sebanyak 210 peratus bagi Januari hingga Februari tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Pahang, Abd Rahim Muda berkata, daripada

jumlah tersebut, daerah Kuantan merekodkan jumlah tertinggi iaitu 296 kes berbanding hanya 77 kes pada tahun 2019. Menurutnya, peningkatan mendadak itu bukan sahaja membimbangkan malah memerlukan tindakan segera bagi menanganinya.

"Kita jalankan operasi gempur denggi di Sungai Isap di sini membabitkan 256 rumah namun hanya 86 unit rumah berjaya diperiksa kerana selebihnya berkunci."

"Hasil pemeriksaan sebanyak tujuh notis kompaun dikeluarkan membabitkan nilai kompaun RM3,500 kerana kediaman mereka didapati positif pembiakan nyamuk aedes. Tindakan diambil mengikut Seksyen 13(2) Akta Pemusnahan Serangga Pembawa



Abd Rahim (dua dari kiri) melihat jentik-jentik aedes yang ditemui oleh kakitangan kesihatan dalam operasi di Sungai Isap semalam.

Penyakit 1975," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas operasi gempur denggi di Sungai

Isap di sini semalam.

Abd Rahim berkata, semalam sebanyak 22 kes demam denggi dilaporkan bagaimanapun, tiada sebarang kematian direkodkan.

Katanya, kerajaan Pahang termasuk jabatan terlibat sentiasa memandang serius perkara itu dengan memberi kesedaran kepada orang ramai kepentinngan menjaga kebersihan.

"Pelbagai program dilaksanakan dalam usaha mengekang pembiakan jentik-jentik dan nyamuk aedes," katanya.

Hasil pemeriksaan, sebanyak tujuh notis kompaun dikeluarkan membabitkan nilai kompaun RM3,500."

-Abd Rahim